

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum tuan/puan membuat keputusan untuk memohon Resit Amanah-i. Sila juga baca <u>terma di dalam Surat Tawaran</u> . Minta penjelasan daripada Bank sekiranya tuan/puan tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma-terma amnya.)	PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD 197301001433 (14328-V) RESIT AMANAH-i TARIKH :										
1. Apakah produk ini? <ul style="list-style-type: none"> Kemudahan Resit Amanah-i (TR-i) adalah satu bentuk pendahuluan atau kemudahan kredit yang disediakan oleh Bank untuk pelanggan-pelanggan. Ia adalah kemudahan pembiayaan yang mana Pelanggan dilantik oleh Bank untuk membeli barang daripada penjual bagi pihak Pelanggan. Pelanggan kemudiannya membeli barang daripada Bank pada Harga Jualan oleh Bank yang termasuk margin keuntungan. Bank mengekalkan hak milik sah ke atas barang tetapi melepaskan milikan fizikal kepada pembeli/pengimport barang yang bertindak selaku pengamanah atau ejen Bank. Pelanggan akan membayar kepada Bank (amaun terhutang campur margin keuntungan) pada atau sebelum TR-i matang. TR-i hanyalah untuk pembiayaan keperluan modal kerja dan tidak boleh digunakan untuk membiayai pembelian harta tetap seperti loji dan jentera. Tiada tempoh minimum pembiayaan dan tempoh maksimum tidak boleh melebihi tempoh pembiayaan yang diluluskan tertakluk secara amnya kepada tempoh maksimum selama 180 hari. 											
2. Apakah konsep Syariah yang digunakan? <ul style="list-style-type: none"> Murabahah (kos campur atau jualan yang ditokok) - Ini adalah suatu kontrak yang mana aset patuh Syariah dihantar dengan serta-merta dan hanya dibayar sekaligus pada tarikh kemudian. Wa'd - Janji satu pihak (unilateral) yang merujuk pada pernyataan komitmen yang diberikan oleh satu pihak kepada pihak yang lain untuk melaksanakan tindakan tertentu pada masa hadapan. 											
3. Apakah yang saya peroleh daripada produk ini? <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin-top: 10px;"> <thead> <tr style="background-color: #e0e0e0;"> <th colspan="2" style="padding: 5px;">Resit Amanah-i (Perlu dibayar apabila dituntut)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="padding: 5px;">Had Pembiayaan</td> <td style="padding: 5px;">: RM _____</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="padding: 5px;"><u>Kadar Keuntungan</u></td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kadar Keuntungan Efektif (EPR)</td> <td style="padding: 5px;">: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + _____% setiap tahun</td> </tr> <tr> <td style="padding: 5px;">Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR)</td> <td style="padding: 5px;">: BFR + _____% setiap tahun</td> </tr> </tbody> </table>		Resit Amanah-i (Perlu dibayar apabila dituntut)		Had Pembiayaan	: RM _____	<u>Kadar Keuntungan</u>		Kadar Keuntungan Efektif (EPR)	: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + _____% setiap tahun	Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR)	: BFR + _____% setiap tahun
Resit Amanah-i (Perlu dibayar apabila dituntut)											
Had Pembiayaan	: RM _____										
<u>Kadar Keuntungan</u>											
Kadar Keuntungan Efektif (EPR)	: Kadar Pembiayaan Asas (BFR) + _____% setiap tahun										
Kadar Keuntungan Berkontrak (CPR)	: BFR + _____% setiap tahun										
4. Apakah obligasi saya? <ul style="list-style-type: none"> Resit Amanah-i perlu dibayar apabila dituntut. Jumlah yang tuan/puan mesti bayar balik adalah termasuk caj. 											

5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi dan caj	Jumlah (RM)
Duti Setem	Ad valorem
<ul style="list-style-type: none"> • Perjanjian Induk Kemudahan • Lain-lain Sekuriti Dokumen <ul style="list-style-type: none"> ✓ Surat Tawaran 10.00 ✓ Caj Lampiran (Dengan Hak, jika berkenaan) 10.00 ✓ Surat Ikatan Penyerahan (Tanpa Hak, jika berkenaan) 10.00 ✓ Surat Jaminan/Surat Tolak Selesai (jika berkenaan) 10.00 	

Untuk senarai penuh fi dan caj, sila layari lama web kami di www.publicislamicbank.com.my.

6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi obligasi saya?

- Melainkan ditetapkan sebaliknya di bawah jenis-jenis kemudahan yang berkenaan, Bank berhak untuk mengenakan yang berikut:
 - a) Kerana gagal untuk membayar ansuran dan terus gagal untuk membayar melepasi tarikh matang kemudahan tersebut, kadar yang boleh diguna pakai adalah Kadar Pembiayaan Purata Bank* (KPP) atas baki belum jelas atau kadar yang lain yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.

Formula bagi pembayaran lewat selepas matang adalah seperti yang berikut:

$$\text{Baki Belum Jelas} \times \text{KPP} \times \frac{\text{Bilangan Hari Tertunggak}}{365}$$

- * Juga dikenali sebagai "Kadar Digabung" yang terdiri daripada dua (2) elemen iaitu *ta'widh* dan *gharamah*. *Ta'widh* merujuk kepada amaun yang boleh diganti rugi kepada Bank berdasarkan kerugian sebenar yang ditanggung disebabkan kemungkiran dan *gharamah* merujuk kepada penalti yang dikenakan melebihi *ta'widh*.
- b) Bank tidak akan menambah ganti rugi yang mesti dibayar kepada amaun pokok/amaun pembiayaan.
- Bank mempunyai hak pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada tuan/puan untuk mendebitkan akaun semasa/simpanan tuan/puan dengan kami bagi pembayaran bayaran bulanan pembiayaan tersebut dan apa-apa caj dan/atau yuran lain yang ditanggung dalam pemberian pembiayaan tersebut termasuk sumbangan Takaful, cukai tanah, cukai pintu, kos bagi laporan penilaian yang dikemaskinikan/disemak semula, yuran untuk carian, yuran guaman untuk penyediaan dan penyempurnaan dokumen sekuriti oleh peguam Bank, kos guaman yang ditanggung berkaitan dengan penguatkuasaan/kos pemulihan dan apa-apa kos atau perbelanjaan lain yang berkaitan dengannya.
- Jika tempoh pembiayaan berlanjutan sehingga persaraan, tuan/puan hendaklah memaklumkan kepada kami mengenai rancangan tuan/puan untuk membayar pinjaman selepas persaraan tuan/puan.

6. Bagaimanakah jika saya gagal untuk memenuhi obligasi saya?, sambungan

- Tuan/Puan hendaklah memberikan kepada kami semua maklumat yang berkaitan berkenaan dengan pembiayaan yang diambil daripada semua institusi kewangan, koperasi, persatuan pembinaan, syarikat kredit dan saudagar yang menyediakan jualan kredit dsbnya. dan untuk memberi maklumat penting sepenuhnya dan setepatnya yang mempunyai kaitan dengan keputusan pembiayaan kami. Kegagalan tuan/puan untuk memberi maklumat penting dan betul dalam permohonan pembiayaan tersebut selain akibat daripada pemberian maklumat yang tidak lengkap dan tidak betul akan menyebabkan kadar pembiayaan yang lebih tinggi atau penolakan permohonan pembiayaan tuan/puan.
- Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya tuan/puan gagal untuk bertindak terhadap notis-notis peringatan. Harta tuan/puan mungkin dirampas dan tuan/puan terpaksa menanggung semua kos guaman. Tuan/Puan juga bertanggungjawab untuk membayar apa-apa kekurangan selepas harta tuan/puan dijual.
- Tindakan undang-undang terhadap tuan/puan mungkin menjejaskan penarafan kredit tuan/puan yang boleh menyebabkan pembiayaan menjadi lebih sukar atau lebih mahal bagi tuan/puan.
- Sekiranya pelanggan tidak dapat dihubungi, tanggungjawab Bank dianggap telah disempurnakan sekiranya notis sedemikian telah dihantar ke alamat terakhir pelanggan sekurang-kurang 7 hari lebih awal.

7. Apakah risiko utama?

- Semua jumlah yang tertunggak daripada kemudahan tamat tempoh akan dikenakan dengan kadar pampasan atau apa-apa kadar lain yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat untuk menghubungi saya?

- Adalah penting untuk tuan/puan memaklumkan kepada kami (notis bertulis hendaklah dihantar kepada cawangan yang memegang akaun) mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat tuan/puan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada tuan/puan tepat pada masanya.

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?

- Sekiranya tuan/puan mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, tuan/puan boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Sekiranya tuan/puan ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang kami berikan, tuan/puan boleh menghubungi kami di:

Public Islamic Bank Berhad
Tingkat 25, Menara Public Bank
146 Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Telefon : 1-800-22-5555
Faks : 03-2162 2224
E-mel : islamicbkg@publicislamicbank.com.my
Laman web : <https://www.publicislamicbank.com.my>

9. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan?, sambungan

- Selain itu, tuan/puan boleh juga mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Tuan/Puan boleh menghubungi AKPK di:

Tingkat 8, Maju Junction Mall
1001, Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur

Telefon : 03-2616 7766
E-mel : enquiry@akpk.org.my

- Sekiranya pertanyaan atau aduan tuan/puan tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan, tuan/puan boleh menghubungi TELELINK Bank Negara Malaysia di:

Pusat Hubungan Pelanggan (BNMTELELINK)
Bank Negara Malaysia
P.O. Box 10922
50929 Kuala Lumpur

Telefon : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)
Luar Negeri : 603-2174 1717
Waktu Operasi : 9:00 pagi – 5:00 petang (Isnin – Jumaat kecuali cuti umum)
Web Form (Borang Web) : telelink.bnm.gov.my

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya tuan/puan memerlukan maklumat tambahan mengenai cara untuk mendapatkan 'Kemudahan Resit Amanah-i', sila layari laman web *bankinginfo* melalui www.bankinginfo.com.my.

11. Apakah Kemudahan Lain yang Disediakan?

- Surat Kredit-i
- Jaminan Jurubank-i
- Jaminan Perkapalan-i
- Bil Penerimaan-i

**NOTA PENTING: CAGARAN TUAN/PUAN MUNGKIN AKAN DIRAMPAS SEKIRANYA TUAN/PUAN
TIDAK MEMBUAT BAYARAN UNTUK KEMUDAHAN TUAN/PUAN.**

Butiran di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja, kadar keuntungan dan caj mungkin berubah dan tertakluk kepada terma dan syarat Bank.

Tandatangan/Tarikh:

Nama Pegawai/Pegawai Pemasaran:

- Saya mengesahkan bahawa sesalinan lembaran pendedahan produk ini telah diberi dan dijelaskan kepada pemohon.
- Maklumat yang terdapat dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada tarikh yang dinyatakan di dalam ini.